

MT wujud badan khas teliti cara pelaksanaan meritokrasi

BK 10 AUG 2001

NIBONG 'TEBAL. Khamis Majlis Tertinggi Umno akan mewujudkan satu badan khas bagi meneliti kaedah pelaksanaan meritokrasi untuk kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bagi memastikan keberkesanan sistem itu.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata panel itu juga bertanggungjawab mengkaji langkah pelaksanaan berperingkat paling berkesan sebelum sistem itu dikuatkuasakan.

"Kajian termasuk bagaimana meritokrasi dilaksanakan berperingkat dengan mengambil kira tempohnya, sama ada dua

atau lima tahun dan jurusan mana yang akan terbabit dalam pelaksanaan dasar ini, sama ada secara sepenuhnya atau tidak.

"Ketetapan lain termasuk memilih waktu sesuai pelaksanaannya, sama ada ketika kemasukan pelajar atau ketika peperiksaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pelancaran Kelab Pengguna Gerakan Desa Wawasan (GDW) Kampung Padang Lalang, Simpang Ampat, dekat sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mengangap penerangan Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu semalam cukup jelas, sekali gus menolak kritikan pelbagai pihak berhubung cadangan berkenaan sebelum ini.

"Yang pasti, meritokrasi akan mengekalkan kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA dan tidak timbul persoalan Umno dikatakan cuba mengetepikan hak Melayu," katanya.

Beliau berkata, Umno akan terus memperjuangkan hak Melayu dan dasar meritokrasi itu diputuskan kerana kerajaan menyedari permasalahan yang dihadapi anak Melayu dalam bidang pendidikan.

"Kerajaan tidak mahu kea-

daan ini berterusan kerana ia boleh merugikan bangsa dan negara jika anak Melayu gagal, lemah dan tidak dapat menguasai ilmu dalam dunia global," katanya.

Muhyiddin berkata, sukarelawan diperlukan bagi membantu parti memberi penerangan dan penjelasan mengenai program itu bagi membangkitkan semangat masyarakat Melayu untuk meningkatkan mutu pendidikan.

"Sesiapa yang berminat perlu tampil menerusi Umno pada peringkat negeri dan pusat kerana inisiatif ini memerlukan gabungan tenaga yang besar," katanya.